



## INSTITUT KEJURUTERAAN INTEGRASI (I<sup>2</sup>E)

### GARIS PANDUAN PENGGUNAAN PERUNTUKAN GERAN I<sup>2</sup>E

#### 1.0 PENGENALAN

Geran ini adalah geran yang diperuntukkan kepada Institut Kejuruteraan Integrasi (I<sup>2</sup>E) untuk urusan kerjasama dengan pihak industri/agensi mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

#### 2.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 2.1 Penggunaan peruntukan ini terbuka kepada semua staf akademik yang bertaraf tetap atau kontrak, gred 51 dan ke atas.
- 2.2 Keutamaan akan diberikan kepada staf yang tidak mempunyai geran aktif pada tahun semasa.
- 2.3 Staf cuti belajar tidak layak memohon penggunaan peruntukan geran ini.
- 2.4 Permohonan lawatan ke industri/agensi dalam Negara sahaja dibenarkan.
- 2.5 Permohonan penggunaan peruntukan geran mestilah tidak melebihi RM 1,000.00 bagi setiap permohonan/lawatan.
- 2.6 Sekiranya permohonan penggunaan peruntukan geran tersebut melebihi RM 1,000.00, permohonan tersebut masih boleh diluluskan dengan persetujuan ketua geran.
- 2.7 Setiap permohonan/lawatan mestilah mempunyai sekurang-kurangnya seorang wakil daripada penyelidik utama Institut Kejuruteraan Integrasi (I<sup>2</sup>E).
- 2.8 Setiap tuntutan perjalanan atau sara diri untuk tujuan lawatan tanpa laporan hasil lawatan dan jadual tindakan susulan tidak akan diproses.

### **3.0 CARA MEMOHON**

- 3.1 Pemohon hendaklah mengisi Borang Permohonan Kerja Lapangan (UTHM/IIE/001/2018) dengan lengkap berserta dengan surat jemputan atau emel daripada pihak industri/agensi sebagai lampiran.
- 3.2 Setiap permohonan perlu dinilai dan diperakukan oleh Pengarah Institut Kejuruteraan Integrasi (I<sup>2</sup>E).

### **4.0 MANFAAT**

Penyelidik yang tidak mempunyai geran boleh menggunakan peruntukkan geran ini untuk tujuan kerjasama dengan pihak industri/agensi.